

<input checked="" type="checkbox"/>	Harian Metro
<input type="checkbox"/>	Metro Ahd
Tarikh: 23/6/2011	
Hari: Khamis, 22	
Ruangan: LAP	

UUM bikin telefilem

Diari Kampus Biru arahan Murali Abdullah perkenal universiti kepada masyarakat

>> Oleh Ridwan Abdul Rahman
 ridwanabdulrahman@hmetro.com.my

PEMBASTARAN institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian film menghasilkan filem atau drama untuk dipentaskan kepada umum, sekali gus bersaing bersama penerbit sedia ada, bukanlah perkara baru.

Universiti Malaya (UM) pernah menghasilkan filem Johnny Bekin arahan Dr Annuar Nor Anni manakala Universiti Teknologi Mara (UTM) berbangga dengan filem Wayang arahan Prof Dr Hatta Azad Khan.

Terburu, Universiti Utara Malaysia (UUM) pula menghasilkan telefilem Diari Kampus Biru diterbitkan Unitarta Management Holding Sdn Bhd iaitu syarikat milik penuh UUM dan Unitarta Film Studio yang bakal memulakan penggambaran perenggan Julai nanti.

Telefilem berkisat kehidupan waga kampus arahan Murali Abdullah ini menampilkan Tomok dan Fita Angella dari Indonesia



DR MOHAMED MUSTAFA...
 beri pendedihan.

sebagai pelakon utama. Pelakon lain penyampai Muzik FM, Must, Wan Nor Adin, Wan Maimunah, Nurul Aini, Yenny Lee, Shuhada Mensor dan Dr Bambang Sm Said. Skripnya dihasilkan Nasserudin Abdul Rasid Ramli.

Nasib Canselor UUM, Profesor Dato Dr Mohamad Mustafa ialah berkata, ada beberapa matlamat mereka menerbitkan drama ini antaranya sebagai



TONGGAK...
 Wan Nor Adin, Wan Maimunah, Nurul Aini, Yenny Lee, Shuhada Mensor dan Dr Bambang Sm Said.

pendedihan kepada staf akademik dan pelajar yang mengambil jurusan bidang komunikasi, multimedia dan teknologi media yang dipentaskan di UUM sejak beberapa tahun lalu.

"Ini kali pertama UUM hasilkan telefilem dan ada beberapa matlamat kami berbuat demikian. "Pertamanya, kami nak terus promosi UUM kepada masyarakat. Kami lihat ada banyak cara kreatif boleh dibuat seperti membuat iklan 'billboard' dan buat telefilem yang boleh memperluaskan mengenai kehidupan kampus yang menyenangkan.

"Kami ada Unitarta Film Studio yang dikendalikan kakitangan multimedia yang diketuai Dr Bambang.

"Jadi, penghasilan telefilem ini adalah satu pelajaran kepada mereka untuk terlibat dalam pembikuvannya. Bahkan skrip drama ini juga dihasilkan salah seorang kakitangan unit ini.

"Cerita telefilem ini berkisat kisah cinta siswa membangkitkan hubungan dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. "Ini bagi mem-

perlihatkan UUM mempunyai banyak pelajar luar negara. Kami ambil pelakon luar dengan tujuan kalau bernasib baik, telefilem ini boleh masuk pasaran Indonesia.

"Kisah cinta dua pelajar ini secara simboliknya mengambarkan hubungan dua negara yang sentiasa ada cabarannya," katanya.

Mengenai pemilihan Murali sebagai pengarah, Mustafa menjelaskan dia dipilih selepas mereka meneliti kemampuannya yang bergelar Pengarah Terbaik di Anugerah Skrin 2010 dan yakin pengarah berkenaan dapat memberikan hasil terbaik buat produk pertama mereka itu.

Murali pula berkata, sebaik meneliti skrip Diari Kampus Biru, dia tertarik dan sudah membayangkan untuk menghasilkan konsep bagaimana yang diperlukan.

"Skripnya bagus memaparkan percintaan dua negara. Saya suka konsep kemanusiaan dan agama dalam pengarahannya dan pasti akan menyelitkannya dalam cerita ini. Apabila diberi tanggungjawab, saya akan buat yang lebih bagus dari sebelumnya.

"Pinak UUM juga memberi kebebasan buat penggambaran di Indonesia bagi membangkitkan minat babak drama ini dan ia sangat bagus. Saya diberi skrip sebulan sebelum penggambaran, jadi memudahkan cerita buat kami mengenai cerita ini," katanya.